


SIMBOLIK ... Prof Dr Murnizam (empat kiri) secara simbolik melancarkan APK UMSKAL 2019 sambil diperhatikan Samsulbahri (tiga dari kiri) dan Aswanethra (lima kiri) dan Pensyarah APK.



LAWAT ... Prof Dr Murnizam (kanan) yang diiringi Samsulbahri (empat kanan) melawat gerai APK UMSKAL 2019.

Malaysia perlukan 200 pakar neurologi untuk rawat peakit strok

413 pelajar sertai Kursus APK UMSKAL 2019

LABUAN: Seramai 413 pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyertai kursus Asas Kebudayaan Keusahawanan (APK).

Kursus selama tiga hari telah dilancarkan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik di astaka padang bola sepak, UMSKAL, pada Khamis.

Penyelaras Program, Samsulbahri Mohd Nasir berkata APK 2019 menyediakan 41 gerai pelajar dan tujuh gerai luar untuk dikunjungi orang ramai selain pelajar dan kakitangan UMS.

"Kursus bertemakan 'Feten Fiesta' itu menyediakan pelbagai acara menarik termasuk autoshow vintage car, fantasy light, escape room, mini fun fair dan karaoke santai," katanya ketika ditemui selepas pelancaran program tersebut.

Samsulbahri yang juga Pensyarah APK berkata program tersebut adalah praktikal daripada teori yang dipelajari dalam kuliah.

"Menerusi program APK ianya dapat membantu meningkatkan pendapatan pelajar," katanya.

Jelas Samsulbahri, sebelum ini mereka telahpun memulakan perniagaan secara online sejak minggu keempat semester lagi dan diteruskan sehingga hujung semester ini.

Sementara itu, Prof Dr Murnizam berharap melalui program APK ini, pelajar dapat merasai sendiri bagaimana menjadi usahawan yang mengusahakan pelbagai jenis cabang perniagaan seperti produk makanan dan bukan makanan, perkhidmatan, pengurusan acara dan sukan.

Beliau juga berharap pelajar akan menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya yang mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada mereka sekaligus menyara keluarga pada masa akan datang.

"Inilah ruang dan peluang yang disediakan oleh pihak universiti kepada pelajar untuk mempelajari sesuatu yang baharu selain belajar dalam bidang masing-masing," katanya.

Turut hadir, tiga lagi pensyarah yang mengajar subjek APK iaitu Dr. Mohd Fahmi Ghazali, Ahmad Aizuddin Hamzah dan Nurul Izzati Abd Razak serta Penyelaras PPIB, Dr Nurulasyikin Muda. **OLEH JAINUDIN DJIMIN**